

Perabot ‘Dihasil’ Daripada Kueh

Oleh Azman Zakaria

Foto oleh Marina Ismail



KUALA LUMPUR, 9 Mac - Dengan mengetengahkan idea kreatif, kumpulan pensyarah dan pelajar Fakulti Rekabentuk dan Senibina (FRSB), Universiti Putra Malaysia (UPM), melahirkan reka bentuk perabot yang unik dengan menjadikan kueh muel sebagai motif rekabentuk itu.

Kerusi, meja sisi dan lampu adalah antara perabot yang direkabentuk berpandukan motif kueh, antaranya karpap, kek lapis, kueh nona, bahu, kueh peneram dan roti jala.

Dengan berkonsepkan “KUEH” (Contemporary, Urban, Enculturation, Homestyle), perabot-perabot itu dipamerkan di Export Furniture Exhibition (EFE) dari 8 hingga 11 Mac lalu di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) yang turut disertai 300 syarikat yang mempamerkan produk masing-masing.

Pensyarah dan penyelidik dari Jabatan Rekabentuk Perindustrian, FRSB, Prof. Dr. Khairul Aidil Azlin Abd Rahman berkata kueh menjadi motif rekabentuk kerana ia boleh menjadi ikon atau identiti Melayu dan Malaysia.

“Kita kaya dengan budaya dan kita mempunyai pelbagai jenis kueh muel, ia boleh diketengahkan melalui rekabentuk perabot bagi membezakan identiti perabot kita dengan perabot masyarakat atau negara lain,” katanya dalam temubual.

Katanya, apabila konsep kueh itu diterjemahkan ke dalam bentuk perabot, ia akan menjadi ikon yang menyeronokkan kerana ia sesuatu yang menarik dan dapat mengimbas kembali pengalaman yang dilalui seseorang.

“Secara tidak langsung, produk ini boleh memperkenalkan budaya dan menaikkan nama Malaysia di luar negara,” katanya.



Beliau yang menghasilkan kerusi “Karipap Ottoman” berkata kusen kerusi itu diperbuat daripada fabrik jenis velvet yang lembut bagi mewujudkan keselesaan.

Kerusi itu, menurutnya sesuai diletakkan di ruang istirahat atau lounge.

Ketua, Jabatan Rekabentuk Perindustrian, FRSB, Prof. Madya Dr. Nazlina Shaari pula merekabentuk kerusi “Nona Manis” mengambil motif kueh Nona.

Ia diperbuat daripada kayu Nyatuh dan ‘felt wool blend’. Bahagian tengah kerusi itu boleh dibuka yang akan menjadikannya sebagai satu meja dan satu bangku.

Pelajar FRBSB, Nursyazana Osman pula menghasilkan meja sisi “Lapees” yang mempunyai laci mengambil konsep Kek Lapis yang terkenal di Sarawak. Ia diperbuat daripada papan lapis, kayu getah dan zebra veneer.

“Saya mengambil konsep Kek Lapis, dan mengubahsuai konsep itu untuk menjadikan bentuk meja yang bulat,” katanya.

Pelajar Pengajian Rekabentuk dan Perindustrian, Ezran Zainal, pula menghasilkan “Rocking Chair” mengambil konsep jalur kueh Bahulu.

Kerusi itu yang diperbuat dariapda kayu getah dan diperindahkan dengan corak lukisan, dan adalah untuk kanak-kanak.



Pensyarah Jabatan Senibina FRSB, Ar. Mohd Azli Mohamad Jamil pula menerapkan idea empat lubang yang terdapat pada kueh Peneram dalam menghasilkan kerusi “Peneram Azli” dengan elemen kueh itu diperlihatkan pada tempat duduk dan tempat sandar kerusi.

“Kerusi ini selesa diduduk, tahan lasak dan sesuai diletakkan di ruang rehat rumah atau di hospital. Ia boleh berfungsi tanpa kusyen, manakala kusyennya juga boleh ditukar,” katanya.

Menurutnya, kerusi itu diperbuat daripada papan lapis Nyatuh, manakala kusyennya daripada span densiti tinggi yang dilapik dengan fabrik kapas

Pensyarah kanan Jabatan Senibina Landskap FRSB, Dr. Mohd Yazid Yunos dan pelajar Senibina Landskap, Mohd Amirul Hussain pula bergabung menghasilkan lampu gantung “Jala Light” mengambil konsep kueh Roti Jala.

Wayar termasuk wayar aluminium dengan ketebalan yang berbeza dibentuk seperti Roti Jala dan diletakkan di bahagian atas mentol lampu. Apabila lampu dipasang, ia menghasilkan bayang-bayang bercorak jala dan suasana yang estetik.

“Ia membawa konsep terapeutik untuk berehat serta memberi ketenangan melalui bayang-bayang yang terhasil,” kata Dr. Mohd Yazid. – UPM